

FTek anjur Program Ramah Mesra Bersama Industri



Berita dan Foto Oleh: PROFESOR MADYA ENGR. DR. ZULARISAM AB. WAHID

Seramai 120 orang pelajar tahun 4 Fakulti Teknologi (FTek), Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir memeriahkan Program Ramah Mesra Bersama Industri Sempena Makan Malam Pelajar Akhir anjuran Persatuan PROTECH Fakulti Teknologi yang berlangsung di Sri Manja Boutique Hotel, Kuantan pada 27 November 2013 yang lalu.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Engr. Dr. Zularisam Ab. Wahid, Timbalan Dekan Akademik FTek, Dr. Mohd Ridzuan Darun, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah FTek, Dr. Mohamad Arifpin Mansor, Mohd Podzi Mahmud dari Syarikat Bi Technologies Corporation dan Riduan Onn dari Kilang Poly Plastic Enterprise.

Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, penganjuran program ini merupakan satu medan untuk memperkenalkan pelajar tahun akhir dari FTek kepada pihak industri di samping mengeratkan hubungan para graduan dari FTek dengan pihak industri.

"Majlis makan malam bersama pihak industri ini sangat besar impaknya bukan sahaja kepada hubungan industri dan FTek malah juga untuk pelajar tahun akhir khususnya, kerana pihak industri secara tidak langsung dapat bertemu dengan produk berkualiti dari fakulti ini yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kebolehpasaran para graduan FTek," katanya ketika menyampaikan ucapan.

Sementara itu, Dekan FTek, Profesor Engr. Dr. Zularisam berkata, program tutup meraikan mahasiswa tahun akhir dari fakulti ini serta menjalinkan hubungan yang baik di antara FTek dan pihak industri.

Menurut beliau, para pelajar yang bergraduasi atau alumni adalah produk atau imej sesuatu universiti yang secara langsung mencerminkan kualiti dan keberkesanan pembelajaran mereka semasa di universiti dahulu.

Katanya, kewujudan mereka di luar sana sebagai pekerja atau pemain industri boleh dijadikan sebagai salah satu sumber dalam meningkatkan kepentingan universiti kepada aktiviti industri dan pembangunan ekonomi negara.

Tambah beliau, sesuatu universiti itu akan dirasai penting dan

relevan jika mereka mampu mengeluarkan graduan, teknologi dan konsultasi profesional yang dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti sesuatu industri.

Majlis bertambah meriah dengan persembahan daripada wakil pelajar tahun akhir selain tetamu yang hadir berpeluang memenangi cabutan bertuah. Kemuncak majlis ini adalah penganugerahan Tokoh Fakulti yang menyaksikan pelajar jurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Mohd Saddam Hassan dan pelajar Pengurusan Teknologi Industri, Norliza Zafira Razali serta pelajar Pengurusan Projek, Mohd Amerul Amin Razali menerima anugerah ini.

